

Hadiah CERPEN 2015



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SABAH
TIMES**

Sabah's First Established Paper

UMS anjur Pertandingan Cerpen UMS-New Sabah Times

NST 10.5.2015 5

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama akhbar New Sabah Times buat julung kali ini menganjurkan pertandingan mengarang cerpen UMS-New Sabah Times 2015.

Pertandingan berkenaan akan dibuka sepanjang tahun ini, iaitu selama 33 minggu bermula dan siaran pertama pada 17 Mei ini sehingga 24 Disember 2015.

Bertemakan 'Molahirkan Generasi Cerpensis Baharu', pertandingan ini terbuka kepada setiap lapisan masyarakat sebagai satu platform dalam memberi peluang kepada penulis-penulis baharu tempatan untuk menulis dan menghasilkan kreativiti yang melayakkan karya mereka untuk disiarkan di ruangan akhbar New Sabah Times setiap hari Ahad. Jika Ahad kebetulan hari cuti bagi syarikat ini cerpen akan kami siarkan keesokan harinya (Isnin).

Pertandingan ini menyediakan hadiah pertama bernilai RM3,000, RM2,000 bagi tempat kedua dan RM1,000 untuk pemenang tempat ketiga manakala tujuh lagi hadiah sagu hati disediakan bernilai RM500.

Himpunan koleksi cerpen yang terpilih untuk dipertandingkan akan dibukukan dalam sebuah buku antologi cerpen terbitan UMS.

Justeru, bagi yang berminat bolehlah menghantar karya cerpen masing-masing disertakan dengan biodata lengkap dan gambar berukuran pasport, dan dihantar melalui emel ke media@ums.edu.my.

Sebarang maklumat lanjut berkenaan pertandingan tersebut dan syarat-syarat penyertaan bolehlah layari laman web <http://www.ums.edu.my/v5/index.php/en/announcement/2443-pertandingan-cerpen-ums-new-sabah-times-2015.html> atau menghubungi talian 088-320000 sambungan 1493-1296/1483/1402.